

26 JAN 2002

Kastam-Sasaran

KASTAM PAHANG SASARKAN PENINGKATAN KUTIPAN CUKAI

KUANTAN, 26 Jan (Bernama) -- Jabatan Kastam Diraja Malaysia negeri Pahang yakin dapat mengutip cukai sebanyak RM370 juta tahun ini, iaitu lebih RM52 juta daripada tahun lepas, kata Pengarah Kastam Negeri Pahang Abdul Wahid Abdul Ghani hari ini.

Beliau berkata keyakinan itu berdasarkan terdapat banyak potensi cukai untuk dikutip oleh jabatan itu termasuk daripada industri permotoran di Kawasan Perindustrian Peramu, Pekan dan penambahan bilik di Genting Highlands yang dijangka dapat menyumbang kepada penambahan hasil itu.

"Kita yakin sasaran RM370 juta akan dapat dicapai, tambahan pula Kastam Pahang pernah mengutip cukai berjumlah RM440 juta pada 1997 semasa negara dilanda kegawatan ekonomi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Kastam Sedunia ke-20 peringkat negeri Pahang di sini.

Abdul Wahid berkata usaha juga akan dibuat bagi menjalin kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti majlis perbandaran, majlis daerah, pejabat daerah dan ibu pejabat polis daerah di seluruh negeri.

Melalui kerjasama dua hala itu, kakitangan agensi-agensi berkenaan yang menjalankan rondaan dan penguatkuasaan di tempat masing-masing boleh memaklumkan kepada pihak kastam jika premis yang mereka lawati itu tidak mematuhi peraturan kastam.

"Mereka mampu melaksanakan tugas ini kerana mempunyai pejabat di setiap daerah. Kita juga akan mengadakan majlis penerangan bagi meningkatkan kesedaran kepada mereka mengenai jenis perniagaan atau barangan yang tertakluk kepada cukai kastam," katanya.

Mengenai kedudukan Pulau Tioman yang dijadikan pulau bebas cukai, Abdul Wahid berkata butiran lanjut mengenai syarat-syarat bebas cukai di pulau itu akan dibincangkan pada mesyuarat khas dengan Perbadanan Pembangunan Tioman (TDA) di sini pada 1 Feb ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengesahkan bahawa Pulau Tioman akan diberikan status pulau bebas cukai, iaitu pulau ketiga yang menerima penganugerahan itu selepas Labuan dan Langkawi.

Langkah itu dibuat bagi membolehkan Pulau Tioman bersaing dengan Pulau Batam dan Bintan dalam menarik kedatangan pelancong dari Singapura.

Terdahulu, pada majlis itu, Abdul Wahid menyampaikan sijil penghargaan kepada Syarikat Automotive Manufacturers (M) Sdn Bhd kerana menjadi penyumbang hasil terbesar kepada Pahang tahun lepas iaitu sebanyak RM62 juta.

Syarikat-syarikat lain yang turut menerima penghargaan ialah United Straits Fuso (M) Sdn Bhd, Hyatt Regency Kuantan, Resort World Sdn Bhd, Union Paper Industry Sdn Bhd dan Berjaya Tioman Island Sdn Bhd.

-- BERNAMA

ROS NAK